



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2017/08/53 (HQ)

### SEDIA UNTUK SUKAN SEA

Sistem bekalan elektrik di 38 lokasi acara sukan dan 49 lokasi penginapan atlet - atlet dan hub media telah diperkuuhkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebagai persiapan untuk temasya Sukan SEA & Sukan Para ASEAN (KL2017).

Pengurus Besar Kanan (Distribution Network), Bahagian Pembahagian TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood berkata, pihaknya telah meneliti lokasi kejohanan untuk memastikan sumber bekalan berada dalam keadaan baik dan stabil serta telah merangka pelan kontingensi bagi pemulihan bekalan sekiranya berlaku gangguan.

“Persediaan kami telah pun bermula sejak Jun lagi, melibatkan infrastruktur penting seperti Pencawang Masuk Utama (PMU), Pencawang Pembahagian Utama (PPU) dan rangkaian sistem yang berkaitan.”

Seramai 130 warga kerja akan bertugas di Bilik Gerakan Ibu Pejabat (DOR) di Wisma TNB, Jalan Timur, Petaling Jaya untuk memantau status bekalan elektrik sepanjang KL2017.

Selain itu, TNB turut membuka lima buah Bilik Gerakan Negeri (SOR) yang beroperasi setiap hari dari jam 8 pagi sehingga 12 tengah malam di Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Langkawi dan Terengganu, kata Wan Nazmy.

Disamping itu, sejumlah 265 anggota kerja teknikal akan diletakkan dalam keadaan tunggu sedia di tapak manakala 60 lagi bertugas di pusat kawalan sistem bagi memastikan kelancaran temasya sukan berkenaan, katanya lagi.

TNB adalah penaja emas Sukan SEA ke-29 yang akan berlangsung dari 19 hingga 30 Ogos 2017 dan Sukan Para ASEAN yang akan diadakan dari 17 hingga 23 September 2017.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada jam 10:00 pagi, 13 Ogos 2017**

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Datuk Omar Sidek (013-3418988) atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*